

29/12/2003

Mahasiswa wajar tunaikan hak mengundi

Min Idris

BARISAN Bertindak Mahasiswa Negara (BBMN) mengingatkan mahasiswa IPTA dan IPTS agar memastikan mereka menunaikan hak dan tanggungjawab sama ada menjelang dan pada hari pilihan raya umum ke-11 yang bakal diadakan pada tahun depan.

Perkara ini perlu diambil serius dan tidak dianggap remeh memandangkan hak dan tanggungjawab ini terkandung di dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan sekali gus menjadi kewajipan sebagai salah seorang daripada anggota rakyat Malaysia.

Pada pilihan raya umum ke-10 pada 1999, kira-kira 681,000 pengundi baru yang mendaftar antara April dan Mei 1999 tidak dapat mengundi kerana masalah membabitkan aspek birokrasi.

Mengikut pandangan Khoo Boo Teik di dalam bukunya `Beyond Mahathir: Malaysian Politics and its Disconsistents', dipercayai hampir lebih setengah juta pengundi itu adalah di kalangan anak-anak muda. Situasi dan keadaan itu amat luar biasa kerana pada kebiasaannya, hanya dalam lingkungan 200,000 pengundi yang akan mendaftarkan diri dalam tempoh itu.

Mengikut pemerhatian dan pemantauan BBMN, sehingga Oktober yang lalu, SPR melaporkan bahawa hanya 95,000 pemilih baru mendaftarkan diri dalam tempoh tiga bulan sebelumnya.

Lima puluh peratus darinya berumur antara 21 dan 40 tahun, sedangkan masih ada kira-kira 1.6 juta orang yang telah mencapai usia 21 tahun yang belum mendaftar.

Lebih memeranjatkan apabila SPR melaporkan sekiranya mereka yang sudah berkelayakan untuk mendaftar sebagai pemilih tidak berbuat demikian sebelum 31 Disember ini maka lebih dua juta pengundi muda tidak akan dapat mengundi pada tahun depan.

BBMN menyeru agar mahasiswa seharusnya menyedari kita adalah generasi pemuda yang menjadi sandaran kepada rakyat seluruhnya. Kita adalah harapan kepada masa depan pembangunan negara dan yang paling penting, rasa tanggungjawab sebagai warga negara semestinya dipupuk semaksimum mungkin apabila berada di alam kampus.

Memandangkan pilihan raya umum ke-11 akan diadakan pada bila-bila masa saja pada tahun hadapan, maka BBMN menyeru mahasiswa di seluruh negara agar;

1. Di atas nama cintakan negara dan semangat berperlembagaan, mahasiswa mesti memastikan mereka yang layak untuk mengundi iaitu genap umur 21 tahun pada tarikh kelahiran sudah mendaftar sebagai pemilih yang sah. Ia boleh dilakukan di mana-mana kaunter SPR atau di mana-mana pejabat Pos.

2. Mengetuai pemuda-pemudi dari seluruh pelusuk negara agar sentiasa prihatin dengan perkembangan politik negara.

3. Menjadi ejen penyampaian maklumat kepada masyarakat agar mereka tidak ketinggalan dalam mengetahui keadaan semasa apa yang berlaku kepada negara tidak kira sama ada di dalam aspek politik, ekonomi, agama, sosial dan budaya.

MIN IDRIS,

BBMN

Mahallah as-Siddiq

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,

Gombak, Selangor.